

Jumaat, Apr 06 2018

Dakwa undi protes jika Datuk Jo dicalon

SH 6/4.

KUALA LUMPUR - Penyokong BN di Parlimen Titiwangsa didakwa sedia undi protes terhadap Ahli Parlimen itu, Datuk Seri Johari Abdul Ghani sekiranya beliau dipilih sebagai calon PRU14.

Penolong Setiausaha AMK Pusat, Syed Badli Shah Syed Osman, berkata, ia berdasarkan maklum balas dan rungutan beberapa isu berkaitan Parlimen itu yang menggambarkan kegagalan pemimpin berkenaan.

"Saya telah mengadakan pertemuan secara tertutup bersama beberapa kumpulan dan individu-individu berpengaruh di kawasan Titiwangsa yang boleh saya katakan mereka sebagai orang kuat Umno dan penggerak masyarakat setempat.

"Rata-rata mereka melahirkan rasa kesal dengan Johari mentadbir Titiwangsa. Mereka berpendapat beliau lebih mementingkan kroni sedangkan rakyat hanya diberikan dedak, makan dan minum ketika program bertujuan sekadar mengambil hati mereka.

"Mereka menyebut ba-



JOHARI

Rata-rata mereka melahirkan rasa kesal dengan Johari mentadbir Titiwangsa."

- Syed Badli Shah

hawa terdapat sebilangan ahli Umno sendiri yang tidak senang dengan cara Johari.

Walau bagaimanapun mereka khuatir untuk mendedahkan identiti mereka kerana dikhuatiri akan mendapat ancaman dari pihak-pihak tertentu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Syed Badli, berkata, isu

legasi Kampung Baru, lesen peniaga di Desa Pandan dan pintu gerbang Kampung Baru antara perkara berbangkit.

"Pembelian rumah melibatkan projek Legasi Kampung Baru, Uda Holdings yang berharga sekitar RM300,000 seunit.

Menurut maklumat yang saya terima terlalu sedikit penduduk asal yang berjaya memiliki rumah tersebut.

Sebaliknya projek perumahan tersebut banyak dibeli oleh orang luar.

"Antara isu lain adalah berkenaan lesen peniaga di kawasan Desa Pandan.

"Mereka juga membangkitkan rasa kesal dengan isu perobohan pintu gerbang Kampung Baru yang menjadi mercu tanda bersejarah dan unik di situ.

"Justeru mereka memberikan keyakinan kepada saya untuk menolak Barisan Nasional pada pilihan raya nanti. Mereka juga memberitahu bersedia untuk mengajak ahli-ahli Umno yang lain untuk bersama-sama melakukan undi protes terhadap BN," katanya.